



EON

Epitome of Nature



**TS DR
NOR'AISHAH
HASAN**
SRIKANDI TEKNOLOGI

OMEGA-3
PERANAN IKAN

**MAKMAL
MEGA**
*PERANAN DALAM
BIOLOGI MOLEKUL*

CANVA
*MAKMAL
KOMPUTER MAYA?*

**TEKNOLOGI
PLASTIK**
APAKAH KESANNYA?

**RISK
MANAGEMENT IN
MICROBIOLOGY
LABORATORY**

**KENALI PENYAKIT
IKAN DALAM
MAKMAL**

**PLOGGING:
A NEW TREND IN
ENVIRONMENT?**

ISSN 2773-5869



9 772773 586005

Jejak Akademia

PENGALAMAN MENYERTAI EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI DI SUNGAI MENYALA

Oleh

LILI SYAHANI RUSLI DAN
DR NOR'AISHAH ABU SHAH

Pusat Pengajian Biologi, UiTM Cawangan
Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah,
Pekan Parit Tinggi, 72000 Kuala Pilah,
Negeri Sembilan

lilis369@uitm.edu.my

EDITOR: NURSYAZNI ABDUL RAHIM

Mendengar sahaja ada ruang untuk turut serta dalam Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan, kumpulan kami tidak melepaskan peluang tersebut. Ekspedisi yang berlangsung selama 5 hari bermula dari 2 hingga 6 Oktober 2022 anjuran Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus itu diadakan di Hutan Simpan Sungai Menyala atau lebih dikenali sebagai *PD Forest Sungai Menyala*. Hutan ini unik kerana ia merupakan Hutan Dipterokap Tanah Pamah yang berada di persisiran pantai Semenanjung Malaysia. 15% daripada keluasan seluruh 1280 hektar hutan ini merupakan kawasan berpayau.

Ekspedisi kali ini diketuai oleh Professor Emeritus Dato' Dr. Abdul Latiff Mohamad serta beberapa kumpulan penyelidik daripada UKM, USM, UPM, UM serta UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Walaubagaimanapun, dek kekangan masa, kumpulan penyelidikan kami hanya sempat menyertai ekspedisi ini bermula pada sebelah petang 3 Oktober sehingga 4 Oktober sahaja.

"Tujuan asal kami adalah untuk mengambil sampel pokok beraroma bagi kajian mengenai metabolit sekunder dan aktiviti antibakteria oleh pokok beraroma dari hutan."

Program Ekspedisi bagi kumpulan kami dibantu oleh Encik Zamani, seorang renjer Jabatan Perhutanan Negeri. Program pada sebelah pagi ditunda untuk bermula agak lewat sedikit kerana cuaca hujan dan tidak mengizinkan. Setelah hujan reda, kumpulan kami mula menjelajah Denai Warisan dan Denai Razani. Pada sebelah petang, kami meneroka pula Denai 1 dan Denai 2. Laluan Denai Warisan dan Denai Razani mempunyai tahap kesukaran yang agak mudah kerana denai-denai ini adalah laluan utama bagi kebanyakan aktiviti yang dilakukan di sini.

Namun, sampel beraroma yang kami jejak masih belum mencukupi dengan hanya melalui denai-denai yang mudah. Lantas Encik Zamani memberikan buah fikiran agar kumpulan kami cuba menelusuri laluan yang jarang digunakan. Kami menyambut baik idea Encik Zamani walaupun perkara ini membuatkan kami mengambil masa yang agak lama untuk keluar dari kawasan hutan tersebut.



Gambar 1. Encik Zamani (paling kiri) sememangnya banyak membantu kumpulan kami.




Gambar 2, 3 dan 4. (Kanan) Denai Warisan Hutan dan penulis bergambar kenangan di lapangan ekspedisi

Laluan keluar tersebut membawa kami ke lokasi projek penanaman 400 pokok nadir oleh Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan bersama Edotco Malaysia Sdn. Bhd. Sepanjang ekspedisi ini, tidak banyak sampel tumbuhan beraroma yang berjaya kami temui. Namun, terdapat banyak pokok-pokok hutan seperti pokok meranti merah dan keruing sehinggakan hutan simpan ini juga dikategorikan sebagai Hutan Keruing-Meranti Merah. Selain itu, pokok-pokok hutan yang jarang kami dengari juga ditemui di sini seperti simpuh, setambun, jenjulung, kandis, tinjau belukar, minyak beruk, meranti paang, melantai, lelada, sepetir siku kluang dan mempising. Di antara pokok beraroma yang menarik perhatian kami adalah pokok Meranti Paang, kerana batangnya mempunyai bau yang seakan-akan kelapa muda.

Pengenalpastian kepelbagaian spesies pokok juga dapat dilakukan melalui pengecaman perbezaan pada permukaan batang kayu dan warna damar atau getah pada batang pokok. Selain daripada itu, sepanjang Ekspedisi ini berlangsung, kumpulan kami juga berpeluang melihat tanda-tanda kehadiran hidupan lain di dalam hutan seperti kehadiran babi hutan. Lanya dapat dilihat dari tempat berkubang dan tempat sondolan haiwan ini pada batang-batang pokok. Tidak dapat kami lupakan juga, ular kapak yang hampir tidak sengaja dipegang oleh Dr Nor'Aishah Abu Shah kerana menyangka ia hanyalah daun-daun pada batang kayu. Hebat sekali penyamaran ular kapak itu!

Di *PD Forest Sungai Menyala* ini juga mempunyai Galeri Penghuni Belantara. Secara umumnya, galeri ini mempamerkan informasi berkaitan Orang Asli di Malaysia, terutamanya yang berada di Hutan Simpan Sungai Menyala ini.



Gambar 5. Ular kapak yang kami temui



Gambar 6. Tempat berkubang yang menunjukkan kewujudan babi hutan di Kawasan Denai 1



Gambar 7,8 dan 9. (Paling atas) Pintu hadapan Galeri Penghuni Belantara, (Tengah) Pameran kelengkapan yang ada semasa melakukan perubatan tradisi sewing dan (Bawah) sudut di dalam Galeri Penghuni Belantara menunjukkan aktiviti Orang Asli

Antara pameran yang terdapat di sini adalah taburan demografi Orang Asli di Semenanjung Malaysia, ukiran topeng, kraftangan, perubatan tradisi berasaskan herba yang sering digunakan oleh Orang Asli serta peranan Tok Batin dan Halaq (Bomoh) dalam perubatan tradisi mereka. Buat mereka yang sukakan aktiviti mencabar pula, bolehlah mencuba aktiviti berbasikal di *PD Forest Sungai Menyala Trail*, iaitu laluan berbasikal yang sejauh 23KM. Terdapat sebanyak 8 *checkpoint* yang ada di sana iaitu Laluan Tongkat Ali, Laluan Danau Menyalo, Laluan Danau Rimba, Laluan Kebun Nangka, Laluan Timbang Sawit, Laluan Dragon Back, Perkampungan Orang Ali Temuan dan Laluan Hutan (*Forest Trail*).

Pengalaman yang ditimba melalui penyertaan kami dalam ekspedisi kali ini adalah sama sekali jauh berbeza daripada ekspedisi yang pernah kami sertai sebelum ini. Samalah ibarat proses menimba ilmu, walaupun kita telah mempelajari sesuatu topik itu di mana-mana majlis ilmu, kita tetap akan berterusan mendapat ilmu-ilmu yang baru ketika menghadiri majlis ilmu yang mengajar topik yang sama. Semoga hasil daripada ekspedisi ini dapat membuahkan sedikit sebanyak manfaat kepada Jabatan Perhutanan Negeri dari hasil penemuan yang akan kami analisa dan bentangkan kelak.



Gambar 10. Perbezaan permukaan kulit kayu sebagai salah satu cara pengecaman spesies pokok



Gambar 11. Antara tumbuhan yang ditemui sepanjang ekspedisi, semuanya memiliki keistimewaan sendiri